

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH)

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada strategi khusus untuk menggalakkan kefahaman, toleransi dan harmoni antara agama (*interfaith understanding, tolerance and harmony*).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Dalam konteks Malaysia, pucuk pimpinan Negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sentimen dan sengketa yang timbul. Penggubalan polisi dan strategi dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asasi semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin. Walau

bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam pelaksanaan, kadangkala menimbulkan masalah penyelewengan atau kecacatan yang ada di antaranya ditafsirkan sebagai tidak wajar atau melampau.

Memandangkan bahawa proses membina Negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi dari masa ke semasa, maka YAB Perdana Menteri telah giat melaksanakan gagasan 1Malaysia sejak 2009 untuk terus menyemaikan nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat.

YAB Perdana Menteri telah mencadangkan inisiatif Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan (*Global Movement of the Moderates*) buat pertama kalinya dalam ucapan beliau di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada Oktober 2010. Intipati utama inisiatif tersebut yang berdasarkan konsep Wasatiyyah atau 'moderation' dalam Islam adalah untuk merangkumkan kerjasama di antara golongan-golongan sederhana dari pelbagai agama serta menggalakkan dialog antara para penganut semua agama bagi melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan saling menghormati di antara satu sama lain, kerana konsep kesederhanaan ini terdapat juga dalam falsafah agama-agama lain.

Konsep *wasatiyyah* yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang adalah sesuai sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia untuk diamalkan di masyarakat majmuk Malaysia, kerana selaras dengan wawasan kepimpinan Negara yang mahu mewujudkan keseimbangan

dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan adat resam budaya.

Untuk memantapkan lagi strategi dan pelaksanaan '**wasatiyyah**' yang sederhana dan seimbang ini, Kerajaan telah menubuhkan Institut Wasatiyyah yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala Kursi Wasatiyyah diwujudkan di Universiti Malaya yang akan menjadi pemangkin kepada gerakan kesederhanaan di Malaysia.

Walaupun masih ada mereka yang mempunyai pandangan atau pendekatan yang ekstrem, Kerajaan yakin bahawa dengan langkah-langkah dan pendekatan kesederhanaan yang berterusan yang dilaksanakan, rakyat secara umumnya akan menjadi semakin matang dan akan dapat menilai dengan sendiri bahawa '**wasatiyyah**' inilah yang amat sesuai untuk masyarakat kita dan bukannya pendekatan ekstrem. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (**unity in diversity**) sememangnya memerlukan sikap keterangkuman, penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam.